

**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENOLONG PENGARAH DASAR PERTAHANAN (KUMPULAN 2)  
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta  
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENOLONG PENGARAH DASAR PERTAHANAN  
JABATANARAH DASAR PERTAHANAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
KUMPULAN 2 (\$5,400 EB KHAS \$5,610 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Dasar Awam / Ekonomi / Hubungan Antarabangsa / Pengajian Pertahanan / Perundangan / Politik atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.


2. a) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
3. Mengetahui dasar-dasar Kerajaan termasuk dalam bidang pertahanan serta mempunyai pengalaman dalam membuat tugas yang berkaitan dengan dasar dan undang-undang adalah merupakan kelebihan.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Pengarah dalam mengurus dan mentadbir Jabatanarах Dasar Pertahanan (JDP) dengan cekap dan efisien;
2. Membantu Pengarah dalam pembentukan dasar, penerajuan, pelaksanaan perancangan strategik, visi dan misi Jabatanarах;
3. Bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras serta memantau semua kerja-kerja di bawah tanggungjawab Bahagian Kajiselidik JDP;



4. Menguruskan pentadbiran Pegawai dan Kakitangan yang ditempatkan di Jabatanarah yang berhubungkait dengan bidang tugas;
5. Memantau dan memastikan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators – KPI*) Jabatanarah tercapai dan menepati kualiti yang ditetapkan;
6. Bertanggungjawab ke atas pengurusan sumber manusia (*HRM*) dan pembangunan sumber manusia (*HRD*) pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatanarah;
7. Menyediakan dan melaksanakan perancangan penggantian (*succession planning*) bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatanarah;
8. Menyediakan peruntukan tahunan Jabatanarah dan memastikan perbelanjaan yang dibuat mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa pada masa ini; dan
9. Menerima arahan daripada Pengarah Dasar Pertahanan dan pihak atasan dari semasa ke semasa.